

11 • Pengantarabangsa




Keunggulan global merupakan salah satu lonjakan pemangkin dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Justeru, UniMAP dengan visi Institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa' perlu menyerlah dan diperkukuhkan dengan kerjasama dan usahasanya dengan organisasi dan institusi antarabangsa, serta memperkayakan pengalaman pelajar-pelajarnya dengan penglibatan di dalam program-program di peringkat antarabangsa.

11.1 PELAJAR ANTARABANGSA

Enrolmen Pelajar Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda

Bagi Sidang Akademik 2017/2018, seramai 95 orang daripada 10 negara telah berdaftar untuk mengikuti program Ijazah Sarjana Muda, berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu seramai 123 orang. Enrolmen keseluruhan pelajar antarabangsa adalah seramai 432 orang terdiri daripada 420 orang lelaki (98%) dan 12 orang perempuan (2%).

Bil.	Kod Program	Program Pengajian	Enrolmen
1	RK05	Kejuruteraan Mikroelektronik	3
2	RK86	Kejuruteraan Elektronik	16
3	RK89	Kejuruteraan Fotonik	2
4	RK20	Kejuruteraan Komputer	16
5	RK53	Kejuruteraan Perhubungan	39
6	RK93	Kejuruteraan Rangkaian Komputer	23
7	RK08	Kejuruteraan Mekanikal	38
8	RK24	Kejuruteraan Mekatronik	43
9	RK85	Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan	32
10	RK13	Kejuruteraan Pembuatan	36
11	RK84	Kejuruteraan Rekabentuk Produk	2
12	RK23	Kejuruteraan Sistem Elektrik	81
13	RK45	Kejuruteraan Elektronik Industri	2
14	RK96	Kejuruteraan Elektrik Sistem Tenaga	1
15	RK12	Kejuruteraan Bahan	3
16	RK32	Kejuruteraan Polimer	3
17	RK28	Kejuruteraan Bioproses	4
18	RK01	Kejuruteraan Awam	50
19	RK07	Kejuruteraan Alam Sekitar	4
20	RE09	Perniagaan Antarabangsa	26
21	RP52	Keusahawanan Kejuruteraan	8
JUMLAH			432



Rajah 11.1: Enrolmen Pelajar Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda

Enrolmen Pelajar Antarabangsa Mengikut Negara dan Jantina

Bil.	Negara	L	P	Jumlah Pelajar
1	Algeria	1	0	1
2	Bangladesh	2	0	2
3	Bosnia	1	0	1
4	Chad	13	0	13
5	China	1	1	2
6	Denmark	1	0	1
7	Djibouti	1	0	1
8	Egypt	22	0	22
9	Eritrea	4	0	4
10	Ethopia	2	0	2
11	India	1	0	1
12	Indonesia	4	2	6
13	Iraq	9	1	10
14	Jordan	8	0	8
15	Kenya	1	0	1
16	Libya	1	0	1
17	Mali	1	0	1
18	Mauritania	2	0	2
19	Myanmar	13	3	16
20	Niger	1	0	1
21	Nigeria	5	0	5
23	Palestine	4	0	4
24	Somalia	86	1	87
25	Sudan	44	0	44
26	Syria	11	2	13
27	Thailand	1	0	1
28	Uk	1	0	1
29	Uzbekistan	5	0	5
30	Vietnam	1	1	2
31	Yemen	173	1	174
JUMLAH		420	12	432

Enrolmen Pelajar Program Pengajian Kursus Bahasa Inggeris Intensif (IEC)

IEC merupakan kursus selama 22 minggu yang diwajibkan kepada pelajar antarabangsa yang tidak memenuhi syarat Bahasa Inggeris sebelum mereka melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Untuk tahun 2017, seramai 81 orang pelajar antarabangsa telah berdaftar bagi mengikut kursus pendek ini dengan 63 orang berdaftar padaambilan April 2017 dan bakinya iaitu 18 orang pada kemasukan Oktober 2017. Pelajar lelaki masih merupakan kelompok terbesar yang berdaftar iaitu sebanyak 99%.

Bil.	Program	Ambilan April	Ambilan Oktober	Jumlah
		2017	2017	
1	RE09 - Perniagaan Antarabangsa	0	2	2
2	RK08 - Kejuruteraan Mekanikal	8	3	11

Bil.	Program	Ambilan April	Ambilan Oktober	Jumlah
		2017	2017	
3	RK12 - Kejuruteraan Bahan	1	0	1
4	RK13 - Kejuruteraan Pembuatan	9	1	10
5	RK20 - Kejuruteraan Komputer	5	0	5
6	RK23 - Kejuruteraan Sistem Elektrik	11	2	13
7	RK24 - Kejuruteraan Mekatronik	9	1	10
8	RK53 - Kejuruteraan Perhubungan	9	1	10
9	RK56 - Kejuruteraan Metalurgi	0	1	1
10	RK01 - Kejuruteraan Awam	8	2	10
11	RK85 - Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan	0	3	3
12	RK93 - Kejuruteraan Rangkaian Komputer	2	1	3
13	RK96 - Kejuruteraan Elektrik Sistem Tenaga	1	1	2
Jumlah		63	18	81

Statistik Pelajar Berdaftar untuk IEC Mengikut Negara

Bil.	Negara	Ambilan April 2017			Ambilan Oktober 2017		
		L	P	Jumlah	L	P	Jumlah
1	Bangladesh	0	0	0	1	0	1
2	Chad	0	0	0	1	0	1
3	Egypt	7	0	7	2	0	2
4	Eritrea	0	0	0	1	0	1
5	Indonesia	0	0	0	3	0	3
6	Niger	1	0	1	0	0	0
7	Somalia	17	0	17	3	0	3
8	Sudan	6	0	6	0	0	0
9	Syria	6	0	6	1	0	1
10	Thailand	0	0	0	2	0	2
11	Uzbekistan	0	0	0	0	1	1
12	Yemen	26	0	26	3	0	3
Jumlah		63	0	63	17	1	18

Enrolmen Pelajar Program Pengajian Pasca-siswazah

Tahun 2017 menunjukkan peningkatan enrolmen pelajar antarabangsa pasca-siswazah sebanyak 1.8% berbanding tahun 2016. Enrolmen pelajar antarabangsa bagi tahun 2017 ialah seramai 1515 orang berbanding 1488 pada tahun sebelumnya bagi program Doktor Falsafah, Sarjana Sains (Mod Penyelidikan), Sarjana Sains (Mod Campuran) dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan.

11.2 STAF ANTARABANGSA

Bilangan keseluruhan staf bukan warganegara adalah seramai 23 orang bagi tahun 2018 (sehingga 22 Mac 2018) berbanding 27 orang pada tahun 2017. Taburan staf bukan warganegara tersebut mengikut negara masing-masing adalah tiga (3) dari Indonesia, dua (2) dari Myanmar, dua (2) dari India, dua (2) dari China, dua (2) dari Nigeria, dua (2) dari Pakistan, dua (2) dari Thailand, satu (1) dari Vietnam, satu (1) dari Bangladesh, satu (1) dari Kanada, satu (1) dari Mesir, satu (1) dari Iraq, satu (1) dari Jepun, satu (1) dari Sudan dan satu (1) dari Filipina.

Bil.	Program	IPT Asal Pelajar	Tarikh Penganjuran	Bilangan Peserta
6.	Latihan Industri	Thaksin University, Thailand	1 Ogos 2017 - 20 Nov 2017	1
7.	Latihan Industri	Rajamangala University of Technology Srivijaya Thailand	20 Okt 2017 - 25 Feb 2018	3
8.	International Soft Skills and Leadership Camp 2017	Rajamangala University of Technology Srivijaya Thailand	15 Nov 2017 - 19 Nov 2017	25

11.3 MOBILITI PELAJAR DAN STAF (INBOUND DAN OUTBOUND)

Salah satu impak dari pada MoU di antara UniMAP dan rakan-rakan universiti adalah melibatkan program mobility pelajar. Program-program mobiliti yang dianjurkan adalah selaras dengan Lonjakan 8 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu Keunggulan Global seterusnya membantu UniMAP melahirkan graduan yang standing dan dapat bersaing di persada antarabangsa.



11.5 MOBILITI PELAJAR (OUTBOUND)

Bil	Program	Lokasi	Tarikh Penganjuran	Bilangan Peserta
1.	Academic Attachment Under Eu Grant-Prigeoc	National Technical University of Athens, Greece	15 Mac 2017 - 15 Jun 2017	2
2.	Latihan Industri	Universitas Tanjungpura, Indonesia	9 Julai 2017 - 21 Ogos 2017	10
3.	Research Outreach Program	Czech Technical University, Prague	1 Feb 2017 - 30 Jun 2017	3
4.	Asia Summer Program	Guangdong University of Foreign Studies, China	1 Ogos 2017 - 21 Ogos 2017	14
5.	Program Khidmat Masyarakat di Bumi Kemboja	Kemboja	4 Julai 2017 - 7 Julai 2017	31
6.	Mini Social for Enterprise Development Program	Prince of Songkla University, Pattani Campus Thailand	13 Sept 2017 - 21 Sept 2017	2
7.	UniMAP-RMUTSV International Soft Skills and Leadership Programme (ISOL) 2017	Rajamangala University of Technology Srivijaya Thailand	15 Nov 2017 - 19 Nov 2017	25
8.	Program Sawat di Thailand	Bagan Kei dan Khuan Don, Thailand	5 Mei 2017 - 7 Mei 2017	23
9.	Enhancing Arts and Cultural Exchange Program, Thailand-Malaysia	Pejabat Kebudayaan Wilayah Satun, Thailand	13 Dis 2017 - 15 Dis 2017	10

11.4 MOBILITI PELAJAR (INBOUND)

Bil.	Program	IPT Asal Pelajar	Tarikh Penganjuran	Bilangan Peserta
1.	Academic Attachment under EU Grant-Prigeoc	University of Plymouth, United Kingdom	21 Jan 2017 - 20 April 2017	1
3.	Program Khidmat Masyarakat	Universitas Andalas Indonesia	5 Ogos 2017 - 20 Ogos 2017	5
4.	Program Mobiliti Inbound Pelajar Nahda University, Mesir	Nahda University, Mesir	16 Ogos 2017 - 4 Sept 2017	8
5.	Latihan Industri	Walailak University, Thailand	1 Nov 2017 - 31 Jan 2018	1

11.6 MOBILITI STAF (INBOUND)

Bil	Nama Staf	IPT Asal Staf	Tarikh Penganjuran	Lokasi Di UniMAP
2.	Academic Attachment under EU Grant-Prigeoc	Liverpool John Moores University, United Kingdom	21 Jan 2017 - 20 April 2017	CeGeoGTECH, FTK & PPK Bahan
1.	Mr. Supachoak Chinnapong	Thaksin University, Thailand	9 Okt 2017 - 24 Okt 2017	Pusat ICT, UniMAP

11.7 LAWATAN UniMAP KE LUAR NEGARA

Penyertaan aktiviti di peringkat antarabangsa dilaksanakan bertujuan untuk meneroka idea-idea baru dalam bidang akademik dan penyelidikan, selain mencari peluang untuk penempatan pelajar dan staf bagi pertukaran pengetahuan dan kemahiran serta berkongsi kepakaran di antara kedua-dua institusi.

Bil	PTJ	Negara Dilawati	Tarikh	Tujuan
1.	PEJ.NAIB CANSELOR & PPK MEKATRONIK	JERMAN	30 OGOS 17 - 03 SEPT 17	LAWATAN DAN MESYUARAT BERSAMA PIHAK NCIA DAN BOSCH BERKAITAN IOT (INTERNET OF THING) DAN KOLABORASI BERSAMA UNTUK INDUSTRI PEMBUATAN MOTOSIKAL DAN SKUTER LEKTRIKLAWATAN DAN MESYUARAT BERSAMA PIHAK NCIA DAN BOSCH
2.	PEJ. TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)	INDONESIA	17 SEPT 17 - 20 SEPT 17	KEYNOTE SPEAKER INTERNATIONAL CONFERENCE ON MATHEMATICS, SCIENCE AND EDUCATION (ICMSE 2017)
3.	PEJ. NAIB CANSELOR & PUSAT BAHASA ANTARABANGSA	KARABUK, TURKI	09 OKT 17 - 14 OKT 17	NAIB CANSELOR MENGHADIRI SIMPOSIUM SEBAGAI PEMBENTANG UCAPTAMA
4.	PEJ.TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI) & PPK SISTEM ELEKTRIK	UNITED KINGDOM	03 NOV 17 - 10 NOV 17	MESYUARAT BERSAMA JAWATANKUASA PENYELIDIKAN KALI KE-10 DAN MESYUARAT BERSAMA JAWATANKUASA PENYELIDIKAN KALI KE-11 BAGI KONSORTIUM GU8 SERTA MENGADAKAN LAWATAN KE UNIVERSITY OF LEEDS DAN UNIVERSITY OF
5.	PPK MEKATRONIK	TOHOKU, JAPAN	23 OKT 17 - 09 NOV 17	MENGHADIRI KURSUS TRAIN THE TRAINER (TOT)
6.	PPK MEKATRONIK	BANGLADESH	30 OKT 17 - 12 NOV 17	MEMBERI BANTUAN KEMANUSIAAN DAN PERUBATAN
7.	PPK KOMPUTER & PERHUBUNGAN	PHUKET, THAILAND	30 OKT 17 - 02 NOV 17	PEMBENTANGAN KERTAS KERJA
8.	JAB HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI	AZERBAIJAN DAN KAZAKHSTAN	19 NOV 17 - 28 NOV 17	MENIMBA ILMU DAN PENGALAMAN BUDAYA DI AZERBAIJAN DAN KAZAKHSTAN SUPAYA DAPAT MENGAPLIKASIKAN ILMU TERSEBUT BAGI PERKEMBANGAN DAN PENAMBAHBAIKAN BIDANG BERKAITAN KEPADA PELAJAR KHUSUNYA
9.	INSTITUT KAJIAN RAJA, KEPIMPINAN DAN KOMUNITI, PEJABAT NAIB CANSELOR, UNIT KOMUNIKASI KORPORAT & PUSAT PENGAJIAN PEMBANGUNAN INSAN DAN TEKNOKOMUNIKASI	MAKASSAR, SULAWESI SELATAN, INDONESIA	10 NOV 17 - 13 NOV 17	PENGANJURAN BERSAMA SEMINAR INSTITUT RAJA (SiRaj v) : KESULTANAN ALAM MELAYU DENGAN UNIVERSITAS ISLAM NEGERI ALAUDDIN MAKASSAR (UIN)
10.	PEJ. TIMBALAN NAIB CANSELOR HEPA, PEJ. HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI & PUSAT BAHASA ANTARABANGSA	AZERBAIJAN DAN KAZAKHSTAN	19 NOV 17 - 28 NOV 17	MENIMBA ILMU DAN PENGALAMAN BUDAYA DI AZERBAIJAN DAN KAZAKHSTAN SUPAYA DAPAT MENGAPLIKASIKAN ILMU TERSEBUT BAGI PERKEMBANGAN DAN PENAMBAHBAIKAN BIDANG BERKAITAN KEPADA PELAJAR KHUSUNYA
11.	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	FILIPINA	21 NOV 17 - 23 NOV 17	MENGHADIRI PERSIDANGAN FORUM 16 th ASIA UNIVERSITY PRESIDENT (AUPF2017)
12.	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	TAICHUNG, TAIWAN	21 NOV 17 - 25 NOV 17	MENINGKATKAN REPUTASI UniMAP MELALUI RANGKAIAN KERJASAMA AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN DENGAN KOMUNITI GLOBAL
13.	PPK ALAM SEKITAR	PERTH, AUSTRALIA	05 DIS 17 - 06 DIS 17	MENGHADIRI PERSIDANGAN ICSET 2017 DI PERTH, AUSTRALIA
14.	PPK MEKATRONIK	JEPUN	26 NOV 17 - 05 DIS 17	PERUNDINGAN DALAM BIDANG ROBOTIK DAN OBJEK RANGKAIAN INTERNET [IoT]
15.	PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH & PPK BAHAN	VIETNAM	26 NOV 17 - 29 NOC 17	MAJLIS DEKAN PENGAJIAN SISWAZAH SERTA MEMPROMOSIKAN PROGRAM PENGAJIAN
16.	PPK SISTEM ELEKTRIK, PPK MEKATRONIK, PPK BAHAN, PPK MIKROELEKTRONIK, PPK PEMBUATAN & PPK BIOPROSES	SEOUL, KOREA	28 NOV 17 - 04 DIS 17	MENYERTAI PAMERAN PENYELIDIKAN ANTARABANGSA SIIF 2017, MENINGKATKAN NAMA UniMAP DI PERINGKAT ANTARABANGSA

11.8 LAWATAN UNIVERSITI / INSTITUSI LUAR NEGARA KE UniMAP

Bil.	Delegasi	Tarikh	PTJ Terlibat	Catatan
1..	Walailak University, Thailand	15/01/2017	PHEA, PPKAS	2 orang staf dari Walailak University, Thailand telah membuat lawatan ke Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar (PPKAS) bagi memantau pelajar mereka yang mengikuti pertukaran pelajar di antara UniMAP - Walailak University
2..	Kunming, China	17/02/2017	PHEA, PTSFP	Seramai 26 orang delegasi menyertai lawatan ke PTSFP UniMAP
3..	Prince of Songkhla University (PSU), Thailand	18/02/2017	PHEA	Seramai 25 orang pelajar dan staf daripada Prince of Songkhla University (PSU) telah menghadiri Karnival Pengajian Tinggi Negara (Zon Utara)
4..	Walailak University, Thailand	18/02/2017	PHEA	Seramai 8 orang pelajar dan staf daripada Walailak University bagi menghadiri Karnival Pengajian Tinggi Negara (Zon Utara)
5..	Universitas Pembangunan Masyarakat Medan, Indonesia	17/03/2017	PHEA, PTSFP	Seramai 36 orang delegasi menyertai lawatan ke PTSFP UniMAP
6.	Ikatan Wanita Pembangunan Indonesia (IKAWAPI)	25 - 29/03/2017	PHEA, PISKANITA, UniMAP	Seramai 30 orang delegasi dari IKAWAPI mengadakan lawatan dan menjalankan aktiviti bersama Persatuan Piskanita UniMAP
7..	University of Yamanashi, Jepun	18/05/2017	PPKPP, PHEA	Seramai 2 orang wakil dari Yamanashi University mengadakan lawatan dan perbincangan dan MoU 2 hala diantara UniMAP
8..	Jagiellonian University in Krakow, Poland	28/09/2017	Pejabat NC, TNC (A&A), Unit Perundangan & Integriti, PHEA	Seramai 3 org delegasi dari Jagiellonian University in Krakow, Poland telah mengadakan lawatan dan perbincangan berhubung MoU diantara kedua-dua buah universiti. Perbincangan ini diadakan di Anjung UniMAP KL

11.9 PENGIKTIRAFAN UniMAP DALAM PENYELIDIKAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Perolehan Dana Antarabangsa

Kecemerlangan UniMAP di peringkat antarabangsa sememangnya tidak boleh dipertikaikan. Kesenambungan momentum tersebut untuk tahun 2017 terserlah apabila seramai 5 warga penyelidik berjaya memperolehi geran penyelidikan antarabangsa *Newton Fund* dengan jumlah keseluruhan perolehan melebihi RM600 ribu, manakala seorang penyelidik memperolehi geran penyelidikan daripada Gheorghe Asachi Technical University of Iasi dengan jumlah melebihi RM20 ribu. Secara keseluruhannya jumlah perolehan geran penyelidikan yang diperolehi ialah melebihi RM620 ribu, melibatkan 6 penyelidik.

Kecemerlangan di Ekspo dan Pameran Antarabangsa

"2017 Bangkok International Intellectual Property, Invention, Innovation and Technology Exposition" (IPITEx 2017) yang dianjurkan oleh *National Research Council of Thailand (NRCT)* dan disertai lebih 19 buah negara antaranya Poland, United Kingdom, Romania, Korea Selatan, Iran, China, Taiwan dan banyak lagi termasuk Malaysia. Melalui platform ini, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah mempertaruhkan sebanyak 20 Produk penyelidikan dan hasilnya UniMAP berjaya merangkul 13 Emas, 3 perak dan 4 Anugerah Khas.

European Exhibition of Creativity and Innovation (EUROINVENT 2017) dianjurkan oleh *Georghe Asachi Technical University of Iasi Romania*. Pameran ini disertai oleh 37 buah negara antaranya Bulgaria, Canada, Croatia, Egypt, Indonesia, Iran, Iraq, Korea, Taiwan, Moldova, Arab Saudi, Thailand, Russia, Poland, Vietnam, United Kingdom dan United States of America. UniMAP berjaya membawa pulang 3 Emas dan 1 Perak daripada 4 produk penyelidikan yang dipertaruhkan.

UniMAP terus mencipta nama di peringkat antarabangsa apabila menempah kejayaan pada *International Trade Fair Ideas Invention New Product (IENA) 2017* di Nuremberg, Jerman dengan kejayaan membawa pulang 2 Emas, 1 Perak dan 2 Anugerah Khas. iENA 2017 disertai lebih 35 buah negara termasuk Jerman, Amerika Syarikat, China, India, Poland, Bosnia, Moldova, Romania, Angola,

Indonesia, Korea, Iran, Kuwait, Arab Saudi, Turki, United Kingdom, Iraq dan Taiwan dengan membabitkan lebih 850 produk penyelidikan.

2 Anugerah Platinum dan 2 anugerah khas di penyertaan *International Warsaw Invention Show (IWIS 2017)* berjaya ditawan oleh UniMAP. Pertandingan penciptaan yang berprestij ini juga dihadiri oleh peserta dari Republik Czech, Bahrain, Moldova, Romania, Kanada, Iran, Taiwan, Thailand, China, Korea, Bulgaria, Bosnia, Croatia dan Arab Saudi.



UniMAP telah menyertai *World Invention and Innovation Forum (WIIF)* dengan menghantar sebanyak 9 produk penyelidikan, hasil daripada pertarungan tersebut UniMAP telah berjaya membawa pulang 5 Emas, 2 Perak, 1 gangsa dan 1 Anugerah Khas. Pameran ini melibatkan sebanyak 58 penyertaan dan melibatkan lebih 150 Orang Penyelidik.

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) berjaya memperolehi pencapaian cemerlang seratus peratus pingat dalam *Seoul International Invention Fair (SIIF) 2017* yang diadakan di COEX Convention Centre, Seoul, Korea dengan kejayaan memperolehi 8 emas, 4 gangsa dan 4 anugerah khas.

Sumbangan-sumbangan sama ada daripada perolehan dana dan pencapaian di Ekspo Penyelidikan memberi pelbagai impak kepada UniMAP umumnya sumbangan kepada pencapaian MyRA.

Staf UniMAP di Persada Antarabangsa

Seramai 4 orang staf UniMAP dijemput ke Nahda University, Mesir (NUB) pada 7 -25 Disember 2018. Staf yang terlibat adalah Prof. Madya Dr. Muzammil Jusoh dan Prof. Madya Dr. Rozmie Razif Othman dari PPK Komputer & Perhubungan, Dr. Nik Zainab Nik Azizan dari PPK Alam Sekitar manakala Dr. Mohd Zukime Mat Junoh dari PPIPT. Antara subjek yang diajar oleh mereka adalah *Object-Oriented Programming, Foundation Engineering 2, Signal Analysis, Principles of Marketing & Marketing Information System*.

Di samping itu, mereka juga telah dilantik sebagai penilai luar ke atas program kejuruteraan dan pengajian perniagaan, bekerjasama dalam menerbitkan jurnal, menyelia dan mencari potensi geran antarabangsa. Mereka juga terlibat sebagai ahli jawatankuasa persidangan antarabangsa NUB-UniMAP.

Pada tarikh 16-23 Disember 2017 pula, seramai dua orang staf iaitu Prof. Madya Dr. Nasrul Hamidin dan Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad telah melawat ke NUB untuk membincangkan kerjasama di antara UniMAP dan NUB.

Antara perbincangan kerjasama adalah seperti menawarkan pengajaran dan pembelajaran di NUB selama satu semester. Melantik staf UniMAP sebagai pensyarah pelawat supaya dapat meluaskan pengalaman dan meningkatkan keterlihatan UniMAP antarabangsa. UniMAP diminta agar menawarkan program pengajian pascasiswazah di NUB. Pihak NUB akan membuat promosi dan mendapatkan pelajar pascasiswazah. Selain daripada itu, pihak NUB berhasrat bersama-sama menganjurkan persidangan, seminar dan kursus.



SIRaj V - Menelusuri Sejarah Kesultanan Alam Melayu di Makassar Indonesia

Makassar, Indonesia - Institut Kajian Institusi Raja, Kepimpinan dan Komuniti (IKRK) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menganjurkan Seminar Institusi Raja Kelima (SIRaj V) 2017 pada 10 hingga 13 November yang lalu di Swiss Bel Hotel, Makassar, Sulawesi Indonesia.

SIRaj V telah dianjurkan dengan kerjasama Universiti Islam Negeri (UIN) Alauddin, Makassar juga merupakan platform terbaik untuk berkongsi ilmu tentang corak pemerintahan beraja di negara jiran dan pada masa sama membuka peluang mempelajari sejarah kesultanan di kota tersebut. Selain itu, seminar ini juga bertujuan untuk meningkatkan kefahaman masyarakat untuk menghayati peranan raja dalam sistem berpelembagaan. SIRaj V turut mendapat kerjasama Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP) Perlis, Malaysian Industrial Development Finance (MIDF) Berhad, Yayasan UniMAP, UniMAP Holdings dan Proven Group of Companies telah dirasmikan oleh Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail.

Sebanyak tiga slot pembentangan diadakan iaitu pembentangan Sejarah Di-Raja Perlis oleh Pengarah IKRK UniMAP, Datuk Prof. Dr. Ramlah Adam manakala pembentangan kedua oleh Rektor Universitas Cokroaminoto Makassar, Prof. Dr. H. Muhammad Asdar, S.E, M.Si manakala slot terakhir menampilkan perkongsian sejarah oleh tiga Raja serta Sultan di Wilayah Sumatera Selatan itu sendiri iaitu Raja Gowa, Raja Galewong dan Sultan Demak. Sebanyak tujuh resolusi telah dicapai menerusi penganjuran seminar tersebut iaitu Institusi Raja adalah asas tamadun bangsa yang patut didokong sepanjang masa; agama Islam adalah teras budaya bangsa yang memperkukuhkan keimanan; sejarah dan kerajaan lalu warisan patut diperkukuhkan sebagai teras jati diri dan pertalian darah silaturahim yang baik serta menjaga dan mempertahankan kelastrian adat budaya bangsa.

Selain itu, SIRaj V juga bersetuju untuk mengeratkan lagi hubungan kerjasama akademik antara UniMAP dan UIN Alauddin; mengukuhkan hubungan serumpun sebangsa Indonesia dan Malaysia selain memahami sejarah dan warisan masa lepas sebagai satu ilmu membina jati diri bangsa untuk masa kini. Selain pembentangan kertas kerja, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, turut berkenan bercemar duli mengetuai sesi "wisata sejarah" Kesultanan Gowa ke tiga lokasi utama iaitu Muzium Balla Lampa, Makam Sultan Hassanuddin dan Masjid Tertua Katangka. Turut sama menyertai lawatan ialah Naib Canselor, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Datuk Prof. Dr. Ramlah Adam dan Ketua Lembaga Penelitian dan Pengabdian Masyarakat Universiti Islam Negeri (UIN) Alauddin Makassar, Prof. Dr. Muhammad Salleh Tajuddin.



Memorandum Perjanjian (MoA) Antarabangsa UniMAP dan Chittagong University Islam Antarabangsa (IIUC), Bangladesh

Memorandum Perjanjian (MOA) antarabangsa ditandatangani antara Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Chittagong University Islam Antarabangsa (IIUC), Bangladesh telah diadakan pada 21 Ogos 2017 di Chittagong Bangladesh. Memorandum itu bertujuan kerjasama dalam pelaksanaan penawaran Doktor Falsafah (PhD) dan Sarjana Sains (M.Sc) mod penyelidikan, yang membawa kepada penganugerahan ijazah oleh UniMAP dalam Doktor Falsafah (PhD) dan Master Sains.

Kedua-dua dokumen itu ditandatangani oleh Naib Canselor IIUC, Prof. KM Golam Muhiuddin dan Dekan Pusat Pengajian Siswazah UniMAP, Prof. Dr. Zaliman Sauli mewakili Naib Canselor UniMAP, Dato 'Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, sambil disaksikan oleh ahli Lembaga Pemegang Amanah IIUC dan Dekan Fakulti bersama delegasi UniMAP, Dr. Md. Aminul Islam dan Dr. Muammar Mohamad Isa.

Memorandum Perjanjian ini adalah momen yang telah lama ditunggu-tunggu oleh pihak IIUC di mana proses itu berikutan beberapa perbincangan di antara IIUC dan UniMAP. Beliau percaya ini adalah satu permulaan untuk kerjasama yang lebih baik antara kedua-dua pihak dan rakyat Bangladesh secara amnya. Dalam perjanjian 10 tahun ini, kedua-dua pihak telah bersetuju dalam memainkan peranan yang penting bagi manfaat kedua-dua pihak. Kedua-dua pihak percaya memorandum perjanjian ini dapat memperluas fungsi IIUC sebagai hub pendidikan masa depan Bangladesh. Kemudahan UniMAP yang bertaraf dunia dan industri pula sebagai nilai tambah dengan staf penyelidikan yang berpengalaman dan perkongsian kepakaran bukan sahaja penting kepada rakyat Bangladesh dan Malaysia, tetapi juga komponen penting untuk memperkasakan orang ramai dengan pengetahuan untuk manfaat masyarakat dunia. Melalui perjanjian ini, kedua-dua universiti akan

mempertingkatkan penyelidikan dan keperluan pertumbuhan pengetahuan yang mampan, inklusif dan lebih baik.

Dalam pertemuan yang sama, kedua-dua pihak juga telah membuat persetujuan dalam kerjasama akademik dalam pelbagai bidang, dan memutuskan untuk memulakan kegiatan kolaboratif di bidang akademik yang saling menguntungkan seperti pertukaran tenaga pengajar dan penyelidik untuk tujuan mengajar, melakukan kuliah dan penyelidikan, pertukaran kepakaran, pertukaran pelajar, menjalankan projek penyelidikan bersama, menganjurkan persidangan secara bersama serta berkongsi maklumat dan bahan akademik.

Orang Kuat UniMAP Raih Tempat Kelapan Pada World Strongest Team

Orang Kuat Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), En. Muhammad Firdaus Jamen, berjaya menempatkan diri dalam kelompok lapan teratas pada Kejohanan World Strongest Team yang berlangsung di Esztergom, Hungary. Pemilihan peserta ke pertandingan itu dilakukan berdasarkan ranking satu dan dua atlet Orang Terkuat di dalam sesebuah negara. Pertandingan ini disertai oleh peserta dari 22 buah negara dan para peserta perlu membentuk pasukan yang dianggotai dua peserta dari negara yang berlainan. Hanya tiga peserta dari negara Asia yang terpilih untuk menyertai pertandingan ini iaitu Malaysia, Singapura dan Jepun. Untuk rekod, Muhammad Firdaus telah berjaya merangkul gelaran Juara Cabaran Orang Kuat Sabah Edisi Kelima 2017 (Sabah Strongest Man) yang berlangsung pada Februari lalu.



Pelajar UniMAP di Persada Antarabangsa

Jelajah Ilmu UniMAP Kazakhstan dan Azerbaijan Program Jelajah Ilmu UniMAP selama 12 hari di Kazakhstan dan Azerbaijan telah membuka ruang kerjasama dengan institusi pengajian tinggi negara-negara berkenaan. Program membabitkan 30 anggota Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2016/2017 dan pegawai kanan UniMAP itu antara lain turut mengadakan kunjungan ilmu ke institusi-institusi pengajian tinggi, masjid dan muzium. Delegasi UniMAP telah diketuai Canselor, DYTU Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail. Turut serta dalam program ini ialah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Dr. Fo'ad Sakdan. Bersempena program ini, sebanyak enam surat hasrat (LoI) dan memorandum persefahaman (MoU) telah ditandatangani melibatkan Kementerian Pelajaran dan universiti kedua-dua negara tersebut. Sepanjang program ini, para pelajar diberi peluang berinteraksi dengan kepimpinan pelajar di university yang dilawati selain melihat dan menilai system pendidikan luar negara. Antara universiti yang dilawati adalah Nazarbayev Universiti, Al-Farabi Kazakh National University, Kazhar University, Odlar Yurdu Universiteti dan Baku Higher Oil School. Delegasi juga turut berpeluang melawat Kementerian Pelajaran Azerbaijan dan industri, Petronas Malaysia di Azerbaijan dan kilang Azersun Fat and Oil. Program Jelajah Ilmu bukan sekadar membuka mata pelajar-pelajar terhadap dunia luar tetapi membina semangat baharu untuk mereka memperkasakan generasi muda kelas pertama dalam segenap bidang yang bakal diceburi sebelum menamatkan pengajian.





Mahasiswa UniMAP Timba Ilmu di Asia Summer Program (ASP) 2017

Peluang untuk menyertai Asia Summer Program (ASP) memberikan pengalaman yang amat berharga buat 14 pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang berkampung selama tiga minggu di Guangdong University Of Foreign Studies, Guangzhou, China bermula 1 hingga 21 Ogos 2017. Sepanjang program tersebut, peserta berpeluang menjalani pengalaman persekitaran antarabangsa yang membolehkan mereka mempelajari secara langsung kepelbagaian budaya di Asia. ASP yang merupakan program berkonsepkan mobiliti berkredit berlangsung selama tiga minggu membabitkan pelajar-pelajar universiti merangkumi kursus-kursus yang relevan yang diajar oleh tenaga pengajar terkemuka dari setiap universiti. Selain daripada itu, pelajar-pelajar berpeluang meninjau perspektif inovatif mengenai Asia.

Untuk rekod, ASP menjadi ahli gabungan Asian University Presidents Forum (AUPF) pada tahun 2013, apabila AUPF tahunan ke- 12 telah diadakan di UniMAP.

Perwakilan dari 68 institusi di 17 buah negara, dan secara umumnya dipersetujui bahawa pemimpin pendidikan tinggi di Asia harus berusaha untuk mempromosikan program yang bertujuan untuk membangunkan kompetensi berbilang bahasa, meningkatkan pemahaman kepelbagaian budaya, dan memupuk kebolehan kreatif.



SUKSIS UniMAP Terus Berbakti Kepada Komuniti Antarabangsa

Perbezaan bahasa dan budaya tidak menjadi penghalang sekiranya fokus utama adalah untuk memberikan khidmat bakti kepada masyarakat. Perkara ini telah dibuktikan oleh Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang memilih Pulau Panjang, Satun Thailand sebagai lokasi ketiga dalam menabur bakti sempena Program SUKSIS Community Outreach Program & Engagement (SCOPE) III.

Naib Canselor UniMAP merangkap Komandan Kor SUKSIS, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal berkata, melangkaui sempadan bukanlah satu halangan sekiranya dituntut untuk menaburkan bakti kepada mereka yang memerlukan. UniMAP komited dalam menyumbang bakti kepada komuniti antarabangsa yang memerlukan bantuan dan sokongan khususnya dalam perkembangan akademik dan sosial. Thailand adalah jiran antarabangsa yang sangat dekat dengan Perlis dan UniMAP pula adalah satu-satunya universiti awam yang terletaknya berdekatan dengan sempadan khususnya di Satun. Dengan jarak perjalanan yang kurang dari 40 minit menarik pihak UniMAP untuk datang bagi membantu pembangunan komuniti di sana. Pasti UniMAP akan datang lagi ke sini tambahan pula kepakaran yang ada di UniMAP khususnya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi mampu menghasilkan inovasi baru kepada kemudahan sedia ada di kampung ini. SCOPE III merupakan susulan dari Program SCOPE yang merupakan inisiatif program berteraskan komuniti di peringkat antarabangsa yang telah dijalankan sejak 2 tahun yang lalu.

Program yang berlangsung selama dua hari satu malam ini disertai 35 orang pelatih dan pegawai Kor SUKSIS yang turut mendapat sokongan daripada Komandan Kor SUKSIS. Walaupun dalam masa yang singkat, mahasiswa UniMAP mampu menimba banyak pengalaman dengan adanya kepelbagaian aktiviti dan peluang berinteraksi bersama penduduk tempatan. Antara aktiviti

yang dijalankan adalah mengecat sekolah, menukar papan tanda masjid, mencerikan bilik kuliah masjid dan aktiviti motivasi bersama pelajar pelajar sekolah. Turut hadir Pengarah Jabatan Keselamatan, Dato' Zull Aznam Haron; Pengarah Pusat Kokurikulum UniMAP, Prof. Madya Dr. Khairul Nizar Ismail; Pengetua Kolej Kediaman, Kartini Hj. Alir; dan Ketua Kampung Pulau Panjang merangkap Wakil Rakyat Pulau Puyu, Satun, Adnan Johari.

Selain aktiviti kemasyarakatan, Kor SUKSIS UniMAP turut mengadakan lawatan dan perbincangan dua hala bersama Polis DiRaja Thailand dengan mengunjungi Ibu Pejabat Polis Daerah Satun. Delegasi yang diketuai oleh Penolong Superitenden Kor SUKSIS (ASP/KS) Raja Shah Erman Raja Arifin telah disambut oleh Timbalan Komandar Polis Satun sendiri bersama pegawai pegawai kanan polis. Antara perkara yang dibincangkan adalah kerjasama Kor SUKSIS UniMAP dan Polis DiRaja Thailand dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kepolisan yang berteraskan kepada komuniti secara bersama di masa akan datang. Delegasi juga turut dibawa melawat sekitar Balai Polis berhampiran dengan diberi penerangan operasi harian serta pendekatan yang digunakan dalam mengurangkan jenayah. Untuk rekod, SCOPE pertama kali diadakan di Kemboja pada 2016 tahun dan SCOPE II pula diadakan di Aceh pada awal 2017 yang lalu.



